



NEWS CLIPPING – PRESS

CLIENT:	INFORMA MARKETS		
PUBLICATION:	HARIAN METRO	SECTION:	BISNES
DATE:	TUESDAY, 10 SEPTEMBER 2019	PAGE NO.:	30
CIRCULATION:	98,093	FREQUENCY:	DAILY
HEADLINE:	FHM 2019 DIJANGKA RAIH JUALAN RM2.2 BILLION		

Kuala Lumpur

FHM 2019 dijangka raih jualan RM2.2 bilion

Pameran Hotel dan Makanan Malaysia 2019 (FHM 2019) mampu menjadikan Malaysia platform rujukan bagi pembangunan industri makanan dan perhotelan sejajar komitmen negara menjadi peneraju makanan dan minuman berkualiti di peringkat global.

Pengurus Besar Negara UBM Malaysia, Gerard Willem Leeuwenburgh berkata, pameran dwi tahunan yang memasuki siri ke-15 itu ideal untuk syarikat yang menyasarkan pasaran Malaysia yang menjadi satu-satunya platform menawarkan akses secara terus kepada pelanggan seperti perhotelan, restoran dan perkhidmatan makanan.

“Setiap edisi kami menjanjikan pameran yang lebih besar dan lebih baik berbanding sebelumnya dengan peserta pameran 25 peratus lebih ramai pada tahun ini,” katanya.

Pameran empat hari bermula 24 hingga 27 September ini dijangka meraih transaksi jualan berpotensi sehingga RM2.2 bilion, naik 25 peratus berbanding sebelumnya.

Dengan keluasan pameran seluas 22,000 meter persegi di Pusat Konvensyen Kuala Lumpur (KLCC) membabitkan penyertaan 1,500 syarikat dari 50 negara dan 10 pavilion negara, ia dijangka menarik lebih 28,000 pelawat dalam kalangan industri berkaitan makanan dan minuman tempatan dan antarabangsa.

Antara tarikan terbaharu FHM 2019 adalah Pavilion Agrikultur dan Zon Makanan Robotik.



LEEUWENBURGH